

Seminar
PMR
16 & 17 April
(Skudai, JB)

12 - 18
April
2011
Bil
818

Imbau Dunia Dino

Lihat
muka
2

3

Personaliti:
Muzik, Sukan
Dunia Syazwan

5

DiGi Live
Sekolahku Berbakat:
Petua Uji Bakat

15

Fokus PMR:
Sejarah
Kekayaan Hasil Bumi,
Campur Tangan British

di dalam

Kenali Haiwan Prasejarah

OLEH NOOR AZLINA ZAINUDIN
azlina@nslp.com.my

"**S**aya teruja bertemu ahli biologi, Prof Dr Ille kerana saya memang meminati mata pelajaran Sains selain berpeluang bertanya pelbagai perkara mengenai dinosaurus yang sudah lama pupus," kata Fitriyani Hafzan Mohd Shaari.

Bagi Fitriyani, kerjaya sebagai seorang ahli biologi menyeronokkan kerana ia membabitkan banyak penyelidikan dalam dan luar makmal selain peluang kerjaya yang cerah dalam pelbagai cabang seperti kajian ubat-ubatan, pemprosesan makanan dan pembangunan tumbuhan.

Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tasik Puteri, Rawang, Selangor itu ditemui semasa sesi bertemu ahli biologi yang juga Profesor Fizik, Teknologi Nano dan Biomimetik daripada Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Ille C Gebeshuber.

Selain peluang beramah mesra dengan Dr Ille selama dua jam, penyelidik dan pakar biomimetik itu turut memberi penerangan mengenai kewujudan dinosaurus dan bagaimana ahli biologi dunia membuat telahan mengenal werna asas haiwan prasejarah itu daripada aspek biologi.

Sesi bertemu ahli biologi itu ialah satu daripada pelbagai aktiviti yang disusun sempena Festival Dinos Alive yang



Pelajar tertarik dengan satu daripada replika dinosaurus yang dipamerkan di PSN.



William Choo (kanan) dan adiknya, Wendy Choo dari SMK Taman Connaught, Selangor tertarik dengan replika dinosaurus Pachycephalosaurus yang dipamerkan.

berlangsung selama seminggu di Pusat Sains Negara (PSN), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ribuan pengunjung terutama kanak-kanak dan remaja yang ditemani ibu bapa masing tidak melepaskan peluang mengunjungi festival khas yang diadakan sempena

Pameran Dunia Dinosaurus berlangsung mulai Disember lalu hingga hujung Mei nanti.

Pameran memaparkan 32 spesies dinosaurus dianggarkan bersalz sebenar. Tarikan utama pastilah *Tyrannosaurus* sepanjang 4.88 meter dan *Apatosaurus* sepanjang 7.01 meter.

Pengunjung tidak ketinggalan merakamkan gambar kenangan bersama replika bergerak yang mengeluarkan bunyi dan kelihatan seakan-akan hidup itu.

Selain pameran dinosaurus, pelbagai aktiviti lain turut diadakan sepanjang seminggu Festival Dinos Alive! berlangsung misalnya Dinos Mask Up, menjelak dan menggali fosil dinosaurus, seni dinosaurus, membuat lencana, rantai kunci dan kad pop-up selain sesi bertemu ahli paleontologi, ahli arkeologi serta ahli sains.


Pameran Dinos Alive akan berlangsung sehingga 31 Mei depan dan dibuka mulai jam 9 pagi hingga 5 petang. Bayaran masuk yang dikenakan ialah RM5 bagi kanak-kanak dan remaja berusia empat hingga 17 tahun.



Sebahagian pelajar menyertai aktiviti membentuk fosil dinosaurus sambil dibantu fasilitator PSN, Encik Mohd Fadill Abd Rashid (kanan).

"Dunia dinosaurus sangat menakjubkan kerana kita tidak dapat menjangka saiz atau rupa sebenar mereka. Dengan adanya penyelidik seperti ahli biologi, haiwan yang sudah pupus ini dapat digambarkan untuk tatapan generasi hari ini."

Farra Zayani Mohd Zaki
Pelajar Tingkatan Tiga,
SMK Rundur Tan Huason Ong, Selangor.



"Pameran ini memberi peluang pelajar mengetahui ciri-ciri dan tabiat pemakanan dinosaurus mengikut spesiesnya. Pengetahuan ini mungkin boleh diperoleh daripada buku atau internet tetapi dengan datang sendiri ke PSN, pameran interaktif dan aktiviti sampingan yang diadakan menjadikan proses mengenali setiap spesies dinosaurus menjadi lebih mudah."

Phagteleen Singh
Pelajar Tingkatan Satu,
SMK Hulu Sentosa, Rawang,
Selangor.

